

BIL. 7/SEPTEMBER 2021

EL-WAZIF


e-Buletin

E-BULETIN EL-WAZIF DITAMBAH BAIK - KINI DENGAN NO. E-ISSN

Unit EL-WAZIF telah berjaya menaik taraf majalah digital bulannya, e-BULETIN EL-WAZIF apabila menerima pengiktirafan no. pendaftaran e-ISSN dari Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), bermula penerbitan edisi yang ke-7, September 2021.

Sekalung tahniah diucapkan kepada barisan

editorial dan jawatankuasa ridaksi e-Buletin El-Wazif yang cekap lagi berwibawa. Sebarang maklumbalas serta pertanyaan, boleh email ke alamat: el.wazif@uitm.edu.my. Semoga memberi manfaat kepada para pembaca.





EL-WAZIF

e-Buletin

Bil 7/September 2021

**UNIT WAKAF, ZAKAT DAN INFAQ (EL-WAZIF)
UITM CAWANGAN MELAKA**

Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka © 2021

Hakcipta Terpelihara.

Tiada sebarang bahagian dari buletin ini boleh diubah suai, disiarkan semula, disalin, diterbitkan, dipindah milik atau dijual dalam apa jua bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada pihak Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF), Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka.

e-ISSN 2805-5780

Diterbitkan oleh:

Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF),
UiTM Cawangan Melaka,
Kampus Alor Gajah, KM 26 Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka,
MALAYSIA.

Tel : 606-5582273,

Faks : 606-5582001

<https://melaka.uitm.edu.my/>

Saluran Komunikasi Unit EL-WAZIF,

UiTM Cawangan Melaka

E-mail : el-wazif@uitm.edu.my

Facebook: <https://www.facebook.com/elwazifuitmcm>

eISSN 2805-5780



9 7 7 2 8 0 5 5 7 8 0 0 8

ISU & KANDUNGAN BULAN INI

	MUKA DEPAN
E-BULETIN EL-WAZIF DITAMBAH BAIK - KINI DENGAN NO. E-ISSN	
GOTONG-ROYONG PERDANA WADI	1
GOTONG ROYONG MENYIAPKAN BUMBUNG TAMBAHAN & KEMUDAHAN TANDAS WADI	2
PROGRAM BUAL BICARA BERSAMA CEO ZAKAT KEDAH	3
WEBINAR FILANTROPI SIRI-4	4
TAKLIMAT ZAKAT DI PROGRAM MDS	5
MAIM PERJELAS STATUS MUTAWALLI di IKIM.FM	5
UCAPAN TAHNIAH PERLANTIKAN NAIB CANSELOR UiTM BARU	6
UCAPAN PENGHARGAAN ATAS KHIDMAT BEKAS KERANI EL-WAZIF	7
UCAPAN PENGHARGAAN & TERIMA KASIH KEPADA FPP	7
BADAN EKONOMI DUNIA IKTIRAF ZAWAF SHAH ALAM	8
PELAWAAN PENERBITAN DALAM E-BULETIN EL-WAZIF	9
BERSEDEKAHLAH WALAU KECIL-KECILAN, DENGAN CARA TERSENDIRI	9
SONIAN NIKMAT YANG BERKAT	10
PUISI - MEMBERI	11
MEMPERKASA KEWANGAN ISLAM DALAM CABARAN VUCA	12

SIDANG REDAKSI E-BULETIN EL-WAZIF

PENAUNG

Profesor Dr. Abd Halim Mohd Noor
Menjalankan Tugas Rektor UiTM Cawangan Melaka

PENASIHAT

Ustaz Abdul Hadi bin Mohd Saleh
Pakar Rujuk Waqaf dan Zakat, El-Wazif, UiTM Cawangan Melaka

PENGERUSI

Ustaz Muaz Hj Mohd Noor
Koordinator Unit El-Wazif, UiTM Cawangan Melaka

EDITOR

Mohd Nabil Zulhemay
Penyelaras Seksyen Waqaf, UiTM Caw. Melaka, Kampus Alor Gajah

PENOLONG EDITOR

Puan Shahreena Bt Daud
Penyelaras Seksyen Waqaf, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya

AHLI JAWATANKUASA:

PELAPORAN AKTIVITI DAN SEMAKAN ARTIKEL

Prof. Madya Dr. Rozman Bin Md Yusof
Penyelaras Seksyen Waqaf, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya

Ustaz Ahmad Ammar Bin Rozaini
Penyelaras Seksyen Zakat, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya

PEREKA BENTUK GRAFIK

Mohd Nabil Bin Zulhemay
Penyelaras Seksyen Waqaf, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin

Ustaz Muhammad Faiz Mohd Fadzil
Penyelaras Seksyen Infaq, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin



GOTONG-ROYONG PERDANA WADI

**Progres WaDI
16 September 2021**

Seawal jam 7 pagi peserta telah mula berkumpul bagi memulakan sesi gotong-royong. Masing-masing kelihatan sungguh bersemangat dengan peralatan yang dibawa bagi membantu tugas.

Seramai 10 orang sukarelawan telah sama-sama mengembeling tenaga membersihkan dan menyelenggara sekitar kawasan kebun WaDI. Aktiviti ini diadakan pada 16 September 2021 yang lalu.

Antara sasaran utama hari kejadian adalah membuat longkang, pemindahan anak pokok, meratakan tanah, merumpai serta membersihkan kawasan persekitaran kebun.

Sebuah jentera berat iaitu jengkaut digunakan bagi melancarkan proses mengorek saliran air di kawasan yang telah dipersetujui. Program berlangsung dengan amat lancar. Terima kasih diucapkan kepada individu yang turut serta pada hari tersebut.



GOTONG ROYONG MENYIAPKAN BUMBUNG TAMBAHAN & KEMUDAHAN TANDAS WADI

14 September
2021



Kerja-kerja menyiapkan bumbung dan tandas sedang giat dijalankan di stor dan stesen kerja di kebun WaDI. Semua kerja-kerja ini dijalankan secara bergotong-royong oleh dikalangan staf, sukarela dan sahabat WaDI.

Gerak kerja penambahan bumbung diketuai oleh Pengurus WaDI iaitu Encik Amran Bin Abdul Razak.

Progres untuk menyiapkan semua kemudahan ini masih lagi berjalan. Diharapkan kemudahan yang disediakan ini dapat memudahkan individu yang menyelenggara kebun WaDI selepas ini.

Terima kasih di atas sumbangan saudara-saudari melalui saluran wakaf kebun WaDI. Terima kasih juga kepada ahli teknikal WaDI yang banyak menyumbang masa dan tenaga.



PROGRAM BUAL BICARA BERSAMA CEO ZAKAT KEDAH

Sejarah, pencapaian, misi dan sasaran Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)

Pada 28 Sep yang lalu telah berlangsungnya satu program Bual Bicara Bersama CEO Zakat Negeri Kedah (LZNK), anjuran Centre for Islamic Philanthropy & Social Finance (CIPSF) dan El-WAZIF, UiTM Cawangan Melaka (UiTMCM).

Jutaan terima kasih diucapkan kepada panelis jemputan, Ybhg Tuan Sheikh Hj Zakaria Othman, CEO Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) kerana sudi berkongsi ilmu secara santai pada hari ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada tuan moderator, Profesor Dr Abd Halim Mohd Noor, ahli jawatankuasa teknikal, pihak penganjur dan semua peserta-peserta pada hari ini.

Bagi mereka yang terlepas siaran langsung sebentar tadi, boleh menonton dalam rakaman di pautan berikut - [Bual Bicara Bersama CEO Zakat Kedah](#).

Perbincangan dua hala ini sememangnya memberi pengetahuan berguna. Banyak isu telah dikupas dan diketengahkan bagi memastikan kelestarian organisasi terlibat berkenaan zakat di UiTM kekal relevan dan mampan.



WEBINAR FILANTROPI SIRI-4

Isu & Cabaran Pengurusan Halal di Malaysia

September 2021 - Telah berlangsung Webinar Filantropi 2021, Siri ke-4 dengan tajuk "Isu dan Cabaran Pengurusan Halal di Malaysia", anjuran unit EL-WAZIF dengan kerjasama CIPSF.

Terima kasih diucapkan kepada moderator dan barisan ahli panel berwibawa kita pada pagi ini, Dr Dziauddin Sharif, Tn Hj Roslan Saludin, En Jabal Abd Rahim dan Dr Rizuwan Abu Karim.

Terima kasih juga diucapkan kepada ahli jawatankuasa teknikal, pihak penganjur dan semua peserta dan penonton webinar kita pada hari ini. Insyallah, Unit EL-WAZIF, UiTM Cawangan Melaka ingin

menjemput tuan puan untuk sertai webinar filantropi siri terakhir tahun ini pada penghujung November nanti.

Sekiranya tuan puan terlepas siaran langsung tadi, boleh tonton rakaman pada pautan berikut: Webinar Filantropi-4



"Pensijilan halal adalah proses yang holistik bukan sahaja berkenaan halal haram kandungan di dalam bahan atau produk."

TAKLIMAT ZAKAT DI PROGRAM MDS

Koordinator El-Wazif, Ustaz Muaz Hj Mohd Noor telah menyampaikan taklimat Permohonan Zakat kepada pelajar-pelajar baru UiTM Cawangan Melaka sempena program Minggu Destini Siswa (MDS) yang diadakan secara atas talian pada 28 September yang lalu.

Pada sesi ini, ustaz Muaz telah menyampaikan



taklimat berkenaan beberapa inisiatif bantuan kewangan UiTM kepada pelajar-pelajar baru UiTM Melaka, khususnya bantuan zakat, seperti syarat-syarat, kaedah memohon, tarikh dan platform permohonan, serta no.talian penyelaras-penyelaras seksyen zakat untuk dihubungi.

Permohonan zakat pelajar bagi semester ini akan bermula seawal 18 Oktober dan berakhir pada 19 November 2021. Poster iklan akan dimuat naik di platform rasmi facebook El-Wazif UiTM Cawangan Melaka pada minggu pertama semester ini.

MAIM PERJELAS STATUS MUTAWALLI DI IKIM.FM

Nama projek Waqaf Dusun Ilmu (WaDI), UiTM Caw. Melaka berkumandang melalui siaran langsung IKIM.fm yang lalu, dalam program Analisis bertajuk "Wakaf di Melaka: Peranan MAIM".

Dalam siaran ini, Unit Wakaf MAIM telah memperjelas status mutawalli yang dipohon oleh UiTM Caw. Melaka. Terima kasih kepada semua yang terlibat menjayakan program ini.



TAHNIAH DI ATAS PERLANTIKAN NAIB CANSELOR UiTM

Warga EL-WAZIF, UiTM Melaka mengucapkan tahniah kepada YBhg. Prof. Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor di atas pelantikan sebagai Naib Canselor UiTM yang baru.



Pelantikan YBhg. Prof. Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor sebagai Naib Canselor berkuat kuasa 9 Ogos 2021. Semoga menjadi inspirasi kepada seluruh rakyat Malaysia di atas lantikan ini. Selamat Menjalankan tugas diucapkan kepada YBhg. Prof. Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor.

UCAPAN PENGHARGAAN ATAS KHIDMAT BEKAS KERANI EL-WAZIF



Jutaan terima kasih diucapkan kepada Puan Mawar Rahim atas khidmat bakti sebagai kerani Unit El-WAZIF, UiTM Melaka bermula bulan Mac 2020 sehingga Ogos 2021. Warga unit El-Wazif mengucapkan selamat maju jaya kepada Puan Mawar untuk masa-masa akan datang.

UCAPAN PENGHARGAAN & TERIMA KASIH KEPADA FPP

Penyumbang Terbesar WaDI

Pihak EL-WAZIF mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan sebanyak terima kasih kepada Fakulti Pengurusan Perniagaan (FPP), UiTM Cawangan Melaka atas sumbangan wakaf berjumlah RM12,635.00 epada projek Waqaf Dusun Ilmu (WaDI), UiTM Cawangan Melaka. Semoga Allah merahmati dan memberkati rezeki para pewakaf.

			WAQAF DUSUN ILMU (WaDI) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN MELAKA	<small>AIK PAYEE ONLY</small>	<small>Cukai Setem Sudah Dibayar</small>
				WaDI - 2020	
				TARIKH DATE	3 0 0 8 2 1 D D M M Y Y
BAYAR PAY	PROJEK WAQAF DUSUN ILMU - WADI				ATAU PEMBAWA OR BEARER
RINGGIT MALAYSIA	DUA BELAS RIBU ENAM RATUS TIGA PULUH LIMA SAHAJA				RM 12,635.00
FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) CAWANGAN MELAKA					
: 1 2 3 4 5 6 7 8 " 9 0 1 2 3 4 5 : 0 0 0 1 2 3 0 4 1 0 " 1 2					

Tahniah Syabas!

ZAWAF

BAHAGIAN ZAKAT, SEDEKAH DAN WAKAF
<https://zawaf.uitm.edu.my>

Aras Bawah
 Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin
 Universiti Teknologi MARA (UiTM)
 40450, Shah Alam, Selangor

 Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM - Media FB Rasmi
  bzsw@uitm.edu.my
 WhatsApp 019-2313391
  IG bzswuitm




Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf

BADAN EKONOMI DUNIA IKTIRAF ZAWAF SHAH ALAM



Tahniah

Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF)

menerima anugerah
Best Zakat Management In Higher Education Institutions Award 2021

GIFA
 GLOBAL ISLAMIC FINANCE AWARDS

daripada
 Naib Canselor
 Pengurusan Tertinggi dan Seluruh Warga UiTM

 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA





TAHNIAH diucapkan kepada Bahagian Zakat dan Wakaf (ZAWAF) UiTM Shah Alam di atas anugerah "Best Zakat Management In Higher Education Institution Award 2021" di dalam Global Islamic Finance Awards - GIFA (GIFA 2021). Majlis penganugerahan telah dilangsungkan pada 14 September 2021 yang lalu.

Majlis pengumuman anugerah oleh GIFA boleh ditonton melalui pautan berikut - [GIFA 2021 Award](#)

PELAWAAN PENERBITAN DALAM E-BULETIN EL-WAZIF



Sumbangan Penerbitan Memberangsangkan

Selari dengan penerimaan nombor e-ISSN, pihak e-Buletin EL-WAZIF telah membuka peluang kepada individu yang ingin menyumbang penulisan ilmiah dan penulisan kreatif untuk dimuatkan ke dalam penerbitan buletin ini.

Sejumlah besar hasil penulisan ilmiah, rencana, penulisan kreatif telah disumbangkan oleh penulis rata-ratanya dari warga UiTM seluruh Malaysia. Pihak kami berbesar hati dengan sokongan padu yang diberikan.

InshaaAllah, penulisan yang telah disunting akan dimasukkan ke dalam keluaran e-Buletin EL-WAZIF berperingkat.

Antara kriteria KARYA KREATIF & PENULISAN ILMIAH yang akan diberi KEUTAMAAN untuk diterbitkan adalah:

- i. Karya asli / original penulis
- ii. Tajuk berkaitan filantropi seperti waqaf, zakat, sedekah, kebajikan, kewangan Islam dan yang berkaitan.
- iii. Format penulisan santai dan ringkas.
- iv. Tidak melebihi 300 patah perkataan (penulisan ilmiah).

Sebarang pertanyaan dan cadangan, boleh hubungi kami melalui email, el-wazif@uitm.edu.my,

PERNIAGAAN YANG MENYELAMATKAN

Rahayu Mohd Sehat, Yang Chik Johari & Zaleha Mahat **Fakulti Perakaunan (FPN), UiTM Cawangan Melaka**

Hai orang-orang yang beriman, sukakah kamu Aku tunjukkan suatu perniagaan yang dapat menyelamatkan kalian dari azab yang pedih? (yaitu) kalian beriman kepada Allah dan RasulNya dan berjihad di jalan Allah dengan harta dan jiwa kalian. Itulah yang lebih baik bagi kalian, jika kalian mengetahui - (Ash-Shaf 10-11)

Allah menarik perhatian kita dengan menceritakan tentang 'perniagaan' yang amat besar dan amat menguntungkan. Manakah lagi manfaat yang kita perlukan berbanding dengan selamat dari azab neraka? Tentu tidak ada kerana itu adalah keselamatan dan kejayaan yang paling besar dan paling diperlukan.

Bagaimanakah caranya? Pertama, beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dengan teguh dan istiqamah. Kedua, berjihad di jalan Allah dengan harta dan jiwa, Iman perlu dimanifestasikan dengan amal kebaikan. Manifestasi jihad dengan harta adalah dalam bentuk infaq manakala jihad dengan jiwa adalah dalam bentuk mengerahkan segenap potensi kurniaan Allah untuk melaksanakan tugas sebagai khalifah.

Manifestasi jihad telah direalisasikan melalui kerja kebajikan yang kecil dengan membuat sumbangan kepada Puan Suryani, seorang ibu tunggal yang berada di Lahad Datu, Sabah. Beliau telah diuji dengan kesihatan dan kehilangan

mata pencarian. Sehubungan itu, sekumpulan pensyarah telah secara sukarela menghulur sumbangan bagi membantu beliau meneruskan kelangsungan hidup.

Pada 5 September 2021, sumbangan telah diterima dari kalangan rakan-rakan pensyarah bagi membolehkan Puan Suryani memulakan perniagaan menjual makanan sebagai punca pendapatan. Beliau yang mempunyai bakat memasak pelbagai jenis makanan, tetapi mempunyai kekangan modal dan peralatan untuk menerima sebarang tempahan. Sumbangan tersebut telah digunakan sebagai modal perniagaan dan membeli ketuhar bagi membolehkan Puan Suryani menerima tempahan pelbagai jenis roti dan makanan lain.

Kerja kebajikan melalui sumbangan infaq kepada Puan Suryani adalah manifestasi jihad jiwa dan harta oleh para penginfaq kerana ingin merebut peluang melakukan perniagaan dengan Allah dengan penuh keyakinan tanpa keraguan akan mendapat kerugian. Sumbangan infaq yang ikhlas menghasilkan pendapatan pasif kepada akaun akhirat dan menjadi penyelamat di hari pembalasan kelak.

SAJAK – SUNGAI ZAKAT

Nukilan: Zaleha Mahat Fakulti Perakaunan (FPN), UiTM Caw. Melaka

Sungai zakat ini
mengalir keimanan
Arusnya membersihkan hati
Jernihnya menyuci jiwa
Derasnya menghanyut dosa
Dalamnya lambang ketaqwaan...

Sungai zakat ini
cerminan kasih sayang
Membilas jiwa dan harta
Mengikis sifat kebakhilan
Takkan cetek rezeki di tangan
Takkan kering harta ditatang...

Sungai zakat ini
hukuman Tuhan
Mengukuh tebing silaturrahim sesama insan
Pahala mengalir memecah batu keangkuhan
Menyusur liku kehidupan mencari berkat Ilahi
Bekalan menuju muara akhirat nan abadi...



Foto: Nabil

BERSEDEKAHLAH WALAU KECIL-KECILAN, DENGAN CARA TERSENDIRI

Oleh: Siti Hajar Abd Aziz
Fakulti Komunikasi Dan Pengajian Media, UiTM Cawangan Melaka

Sebagai seorang Muslim, kita semua tahu akan kebaikan dan kelebihan sedekah, antaranya amalan tersebut berupaya menghapuskan dosa, ia membuka pintu rezeki dan menjauhkan diri kita dari sifat kedekut.

Dikatakan amalan bersedekah ini adalah antara amalan yang berat dilakukan, kerana sebilangan manusia tidak suka berkongsi hartanya. Media sosial hari ini kadang-kadang mengaburi mata kita dengan sedekah yang dikeluarkan oleh mereka yang hartawan, jadi mungkin akan ada yang terfikir, "Oh pendapatannya sudah tentu jutaan ringgit maka tidak hairanlah dia boleh bersedekah".

Ada pula yang pergi lebih jauh dengan mengumpul sumbangan ramai dengan misi sedekah kepada golongan tertentu, dan tentunya ini adalah perbuatan terpuji. Namun tidak semua orang mampu melaksanakan amalan edekah seperti ini.

Sebenarnya sedekah itu mudah dan tidak perlu disulitkan, Surah An-Nisaa' : ayat 114 [2] menyebut, "Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisik-bisikan mereka, kecuali (bisik-bisikan) orang yang menyuruh bersedekah atau berbuat kebaikan atau mendamaikan di antara manusia dan sesiapa yang berbuat demikian dengan maksud mencari keredaan Allah, tentulah Kami akan memberi kepadanya pahala yang amat besar." Dari ayat ini jelas bahawa sedekah ini tidak semestinya dipertontonkan kepada umum, dan ia jua datang dalam berbagai jenis.

Ada yang suka bersedekah kepada haiwan dengan memberi makan haiwan-haiwan terbiar di jalanan. Ada yang bersedekah kepada anak-anak kecil setiap kali mereka bertemu, ada yang bersedekah kepada adik-beradik, dengan memberikan saguhati kewangan contohnya duit raya dan sebagainya.



Gambar: animalpath.org

Saya pula suka sedekahkan sahaja mata ganjaran kad keahlian kepada pengguna lain sewaktu berbelanja di kedai serbaneka. Itu pun sudah berupaya mengukir senyuman dibibir seseorang.

Sekali-sekala saya hulurkan juga sedikit sumbangan secara atas talian kepada mereka yang ditimba musibah ataupun kepada pusat-pusat menjaga haiwan terbiar. Ada pula yang suka bersedekah dengan memberi ilmu secara percuma, ataupun menghulurkan pertolongan kepada memerlukan. Andai kata masih tidak mampu, sedekahlah pada pasangan kita pula.

Teringat satu kisah manis pada bulan Ramadhan beberapa tahun dahulu, bila saya bercadang untuk membeli sebuah ketuhar gelombang mikro untuk memanaskan makanan. Suami tidak bersetuju, dia cadangkan saya beli ketuhar supaya dia boleh sedikit demi sedikit belajar membuat kuih raya dan kek. Ya, suami saya memang gemar memasak. Pada ketika itu, saya fikir, tak mengapalah, saya turutkan kehendaknya, In Sha Allah ada rezeki yang lain untuk saya di masa hadapan.

Tapi apa yang memeranjatkan saya beberapa hari selepas itu, sewaktu membantu kakak saya berpindah rumah, kakak menyuruh saya membawa pulang ketuhar gelombang mikro miliknya, dengan alasan dia tidak pandai menggunakannya. Allahuakbar, syukur Alhamdulillah impian saya Allah makbulkan dengan segera. Sejak itu saya makin percaya dengan kuasa sedekah, tambahan pula baginda Rasulullah S.A.W telah bersabda bahawa sedekah itu tidak akan mengurangi harta, InshaAllah.

SONIAN NIKMAT YANG BERKAT

Mohd Ab Malek bin Md Shah
Pensyarah Kanan
UiTM Cawangan Melaka

#1

**Mencambah pahala
Mencari reda
Keikhlasan
Insani**

#2

**Satu penyucian
Insafi diri
Muhasabah
Kendiri**

#3

**Kemanusiaan
Kedermawanan
Nikmat Tuhan
Syukuri**

#4

**Kesederhanaan
Sesama insan
Keberkatan
Bersama**

PUISI - MEMBERI

Noor Izam Bin Samin
Perpustakaan
UiTM Caw. Melaka, Kampus Jasin

**Memberi seikhlas hati
amalan nyata terpuji
bukan utama peribadi
tiada minta dihormati
jauhi harap dikenangi**

**Memberi tanda syukuri
usung keranda insafi
lambang kasih sejati
rasa ingin berkongsi
lahir penuh simpati**

**Memberi
melurut nafsu bernoda
menggugur rakus haloba
menjatuh cemar sangka
meluruh bongkak bangga**

**Memberi
melurut nafsu bernoda
menggugur rakus haloba
menjatuh cemar sangka
meluruh bongkak bangga**

MEMPERKASA KEWANGAN ISLAM DALAM CABARAN VUCA

Syamsyul Samsudin & Nik Nur Shafika Mustafa
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Cawangan Johor

Sistem kewangan Islam di Malaysia tidak terlepas daripada mengalami cabaran dunia VUCA.

VUCA ini daripada akronim Volatility, Uncertainty, Complexity and Ambiguity. VUCA ini ditafsirkan sebagai keadaan atau suasana yang tidak menentu yang ketara yang membuatkan kita sukar untuk membuat ramalan atau jangkaan seperti keadaan sebelum ini. Dalam situasi ini kewangan Islam perlu segera bertindakbalas bagi memastikan kewangan Islam kekal relevan.

Forum Kewangan Islam Kuala Lumpur (KLIFF) Ke-16 yang lalu telah memutuskan dalam cabaran VUCA ini, nilai-nilai murni selaras dengan tuntutan syarak merupakan asas pertimbangan penting bagi kewangan Islam bagi mencapai tuntutan Maqasid Syariah yang menekankan kesejahteraan agama, kehidupan, akal, keturunan dan harta.

Di Malaysia, tuntutan memenuhi Maqasid Syariah merupakan asas pertimbangan bagi beberapa keputusan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (BNM) serta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC). Walaupun kewangan Islam terkesan akibat COVID-19, institusi perbankan Islam tidak dibenarkan mengambil kira keuntungan terakru bagi pembiayaan sedia ada dalam penentuan amaun prinsipal yang baharu merangkumi pembiayaan yang distruktur atau dijadual semula. Semua ini bertujuan meringankan bebanan yang dihadapi oleh pelanggan dan rakyat yang terkesan berikutan pandemik COVID-19.


Dalam cabaran VUCA ini, usaha yang komited terus dipacu untuk memajukan kewangan Islam dengan memberikan tumpuan ke arah memajukan kewangan Islam dalam menangani cabaran VUCA ini.

Pemeriksaan kewangan Islam dibuat dengan usaha meningkatkan sumbangan kewangan Islam dalam

membantu pemulihan ekonomi, membina daya tahan sosial dan daya tahan iklim serta menggalakkan perdagangan, perniagaan dan ekonomi digital.

Langkah progresif telah diambil oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia yang telah bermesyuarat lebih 20 kali untuk tahun 2020 hingga 2021 ini bagi mengeluarkan keputusan penting sebagai panduan pelaksanaan langkah-langkah mendepani cabaran VUCA selaras dengan prinsip Syariah.

Tuntasnya, hal ini bertujuan bagi memastikan kewangan Islam seperti industri perbankan Islam dan takaful terus berdaya tahan dan tangkas dalam persekitaran VUCA ini





SUMBANGAN WAKAF
DUSUN ILMU
**JUMLAH TERKUMPUL
SEHINGGA SEP 2021**

KUTIPAN RM78,203.38
PERBELANJAAN
RM31,763.88
SASARAN RM150,000.00

Sumbangan boleh disalurkan ke akaun **BANK ISLAM**
UiTM Cawangan Melaka 04024010017652
(Reference: 'Waqaf Dusun Ilmu').